

Guna kuasa selamatkan negara daripada orang besar curi duit rakyat

Pemimpin jangan lupa rakyat susah

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**
utusannews@mediamulia.com.my

IPOH: Perdana Menteri mengingatkan para pemimpin supaya tidak melupakan rakyat khususnya golongan susah ketika mereka mempunyai kuasa dan kedudukan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, para pemimpin perlu

menggunakan kuasa yang ada pada mereka untuk memastikan kekayaan negara sampai kepada rakyat.

Beliau meminta mereka sentiasa bersama-sama memerangi penyelewengan dan ketirisan projek kerajaan supaya hasil yang diselamatkan itu dapat digunakan untuk membantu rakyat.

"Saya selalu ingatkan kawan-kawan, kalau ada kuasa gunakan untuk rakyat kerana negeri ini kaya, hasilnya banyak, tapi kenapa yang kaya makin kaya, yang miskin ramai.

"Sebabnya wang yang ada, kontraklah, projeklah dicuri. Saya guna kuasa untuk selamatkan negara. Jangan ada yang mencuri sebaliknya bagi ban-

tuhan balik kepada rakyat.

"Yang penting sekali negeri ini mesti diselamatkan, selamat daripada orang besar yang mencuri duit rakyat. Kalau ini kita boleh selamatkan, wang yang ada kita boleh pulangkan kepada rakyat," kata Perdana Menteri.

Bersambung di muka 3

Pemimpin jangan lupa rakyat susah

Dari muka 1

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Program Sambutan Hari Ponggal 2023 Peringkat Parlimen Tambun di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Klebang, Chemor di sini semalam yang dihadiri kira-kira 1,000 orang.

Sementara itu Anwar berkata, tiada mana-mana pihak beroleh keuntungan jika termakan dengan hasutan pemimpin politik tertentu agar masyarakat berbilang kaum di negara ini saling bertelagah.

Menurutnya, mereka yang berada 'di atas' hanya menyuruh agar pergaduhan antara kaum dicetuskan namun 'mangsa' yang melaksanakan pergaduhan itu adalah rakyat atau mereka yang berada di bawah.

"Apabila kita gaduh di antara kita, antara kaum, siapa yang untung? Yang gaduh orang bawah, yang suruh gaduh orang politik di atas.

"Sebab itu saya minta kawan-kawan Melayu datang raikan (Pesta Ponggal). Ini bukan upacara agama, ini pesta menuai.

"Di India, saya tengok kawan-kawan saya baik yang beragama Hindu, baik yang Muslim, sama-sama dalam pesta ini kerana tanda syukur mereka atas hasil yang baik," katanya.

Dalam perkembangan lain,



ANWAR Ibrahim menuang susu ke dalam periuk tanah Mat dalam Program Sambutan Hari Ponggal 2023 peringkat Parlimen Tambun di SJKT Klebang, Chemor di Ipoh, semalam. - UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

Anwar berkata, dalam tempoh sebulan setengah, beliau melihat pelabur asing termasuk dari China, India, Amerika Syarikat

serta Eropah sudah menunjukkan minat melabur di negara ini.

"Ini untuk apa jika bukan

untuk menyelamatkan rakyat, memberi peluang pekerjaan dan pendapatan yang baik," katanya.